



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI JOHOR**

Tingkat 8 & 11, Lot 20485  
Menara Tabung Haji  
Jalan Ayer Molek  
80720 Johor Bahru  
JOHOR DARUL TA'ZIM

Telefon : 07-2249244/2239318  
Faks : 07-2239322  
Portal Rasmi : www.anm.gov.my

Ruj. Kami : JANM.JHR.100-1/6/1 ( 16 )  
Tarikh : 25 Jun 2024  
12 Zuhijah 1445H

**KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB JABATAN  
PERSEKUTUAN NEGERI JOHOR**

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**ARAHAN OPERASI JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI JOHOR  
BIL. 2 TAHUN 2024: HAD KEKERAPAN PENGGUNAAN ONE TIME VENDOR (OTV) DI  
iGFMS**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas dan Arahan Operasi Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Johor Bil.7 Tahun 2023 bertarikh 3 April 2023 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa terdapat pindaan bagi had **kekerapan penggunaan One Time Vendor (OTV)** bagi **kod vendor 10001 dan 10009** di sistem iGFMS iaitu adalah **dihadkan sebanyak sekali (1) sahaja** untuk setiap ID penerima bayaran bagi setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ) dalam tempoh setahun. Perkara ini adalah bagi memastikan penggunaan OTV adalah terkawal penggunaannya kepada keperluan operasi tertentu sahaja. Kod vendor OTV selain 10001 dan 10009 seperti di **Lampiran 1** adalah tidak terlibat dengan pindaan had kekerapan ini kerana ianya diwujudkan bagi penggunaan sistem yang berintegrasi.

3. Pelaksanaan pindaan had kekerapan tersebut **berkuatkuasa pada 1 Februari 2024** dan sekiranya penggunaan OTV telah melebihi sekali dalam tempoh setahun untuk setiap ID penerima berkenaan, Pusat Tanggungjawab (PTJ) hendaklah mewujudkan kod vendor yang bersesuaian untuk meneruskan bayaran. Bagi sebarang pertanyaan lanjut, boleh menghubungi pegawai di Unit Khidmat Pengurusan Pelanggan dan Unit Pengurusan Dana melalui telefon di talian 07-2249244/ 07-2239318 atau secara e-mel di alamat [ukpp\\_jhr@anm.gov.my](mailto:ukpp_jhr@anm.gov.my) dan [dana\\_jhr@anm.gov.my](mailto:dana_jhr@anm.gov.my). Arahan Operasi ini membatalkan Arahan Operasi Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Johor Bil. 7 Tahun 2023 bertarikh 3 April 2023.

JANM.JHR.100-1/6/1 ( 16 )

4. Kerjasama daripada pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
***"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"***

Saya yang menjalankan amanah,



**(MASAYU BINTI MUSTAFA C.A.(M))**  
Pengarah  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
Negeri Johor

/D:azlina/suratarahanoperasi

LAMPIRAN 1

No.	Kod Vendor OTV	Nama Vendor OTV	Keterangan Bagi Penerima Bayaran Vendor OTV
1.	10000	Saraan Federal Government	Penerima bayaran yang ditetapkan untuk Modul HCM seperti penerima bayaran nafkah atau penerima bayaran saraan.
2.	10001	EMP2 – Pendapatan Bercukai	Penerima bayaran untuk pegawai/ kakitangan awam yang belum didaftarkan di dalam kategori Kod Vendor EMP atau pegawai/ kakitangan awam yang di bawah arahan Tahan Gaji atas sebab tertentu.
3.	10002	Factoring Vendor OTV	Penerima bayaran yang ditetapkan oleh pihak ePerolehan sebagai penerima bayaran syarikat Pemfaktoran
4.	10003	INSIST OTV	Penerima bayaran yang ditetapkan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia melalui sistem INSIST
5.	10004	eCourtFinance OTV	Penerima bayaran yang ditetapkan oleh Jabatan Kehakiman melalui sistem eCourtFinance
6.	10005	eBantuan	Penerima bayaran yang ditetapkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk penerima bayaran bantuan JKM melalui sistem eBantuan.

<b>No.</b>	<b>Kod Vendor OTV</b>	<b>Nama Vendor OTV</b>	<b>Keterangan Bagi Penerima Bayaran Vendor OTV</b>
7.	10007	Penerima GUMIS	Penerima bayaran bagi bayaran balik Wang Tak Dituntut.
8.	10008	Deposit AR	Penerima bayaran bagi keadaan bayaran balik Deposit Am.
9.	10009	OTV-Arahan Pembayaran	Penerima bayaran yang tidak didaftarkan di dalam Data Induk Penerima Bayaran iFMAS bagi bayaran secara one off yang dikhususkan untuk Arahan Pembayaran Tanpa Pesanan Kerajaan sahaja.
10	10010	eLembaga Peperiksaan	Penerima Bayaran yang ditetapkan bagi Lembaga Peperiksaan